

Newspaper	Berita Harian
Date	2 August 2015

# 'Jangan serang saya seorang'

BH - 2/8/2015

» Najib mahu cadang semula wujud peraturan wajibkan parti politik isytihar sumber kewangan

Oleh Ziauddin Sharuddin, Badrul Hizar Ab Jabar, Mohd Hamizar Hamid, Irfan Tun Tuah dan Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

► Seremban



Najib menerima cenderahati potret bapanya sambil diperhatikan Idris (kiri) dan Latiff (tiga dari kiri) selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kota Melaka, semalam. (FOTO BERNAMA)

Datuk Seri Najib Razak akan mencadangkan semula kepada Parlimen untuk mewujudkan peraturan yang mewajibkan parti politik di negara ini mengisytiharkan sumber kewangan parti masing-masing.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu pernah dikemukakan sebelum ini, tetapi ditentang oleh parti pembangkang.

Bagaimanapun, beliau yang juga Presiden UMNO berkata, parti pembangkang berterusan mempersoalkan sumber kewangan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"Memang Presiden parti boleh mencari wang untuk parti. Saya boleh terangkan dengan syarat pembangkang melakukan perkara sama. DAP dan PKR terangkan sumber kewangan mereka. Sama-sama terangkan, barulah adil.

"Ini serang saya seorang, sedangkan cerita dia (sumber kewangan pembangkang) tidak mahu terangkan," katanya ketika merasmikan mesyuarat UMNO Bahagian Seremban di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Ketua UMNO Bahagian Seremban, Datuk Abu Ubaidah Redza.

#### Sumber kewangan parti lebih telus

Najib berkata, peraturan itu bertujuan untuk meiyadikan perkara berkaitan sumber kewangan parti politik lebih telus.

Sehubungan itu, katanya cadangan semua itu membolehkan setiap Ahli Parlimen dapat bersama-sama membuat peraturan baharu itu.

Peraturan itu adalah inisiatif yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berteyuan mewujudkan prosedur lebih telus berhubung

sumbangan politik.

Walaupun Naib sebagai Pengerusi BN menyokong inisiatif itu, termasuk dimasukkan dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP), pemimpin pembangkang, terutama DAP menentang usaha itu.

Sehubungan itu, Najib meminta ahli parti menjadikan perpaduan sebagai agenda utama dengan memberi sokongan padu kepada kepemimpinan parti.

#### Terima hasrat Muhyiddin

Sementara itu, di Melaka, ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kota Melaka, Najib berkata, beliau menerima hasrat bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ingin terus setia bersama UMNO.

"Sebab itu yang saya nak, tanpa sebarang jawatan dan apa keadaan pun, setia kepada UMNO sebab UMNO itu lebih besar daripada mana-mana pemimpin.

"Kebetulan hari ini, saya jadi Presiden. Tuan-tuan beri sokongan kepada saya bukan sebab peribadi, bukan kerana Najib, (tetapi) kerana Presiden UMNO perlu seorang yang kuat.

"Selagi saya memegang jawatan Presiden, saya perlukan kekuatan untuk pastikan parti kita terus menang dan berjaya," katanya.

Yang turut hadir, Pengerusi Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Idris Haron dan Ketua UMNO Bahagian Ketua Melaka, Datuk Wira Latiff Tamby Chik.

#### Kepentingan semangat setiakawan

Perdana Menteri berkata, semangat setiakawan dalam politik sangat penting bukan hanya waktu senang, malah sangat diperlukan ketika susah.

"Setiakawan dalam politiklah yang buat kita seronok. Jika ada cabaran, ia akan jadikan kita lebih kuat. Tuhan tidak akan uji kita sekiranya kita tidak mampu.

"Jangan hanya kerana suara seorang yang menyuruh saya turun (berundur), maka saya terpaksa melepaskan jawatan kerana saya tahu ada tiga juta ahli UMNO yang bersama saya," katanya.